

13 APR 2002

Mahathir-Lawatan/I (Bergambar)

LAWATAN DR M KE MAGHRIBI, LIBYA DAN BAHRAIN JANJI FAEDAH BERSAMA

Oleh: Khairdzir Yunus dan Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Hubungan yang begitu baik antara Malaysia dengan Maghribi, Libya dan Bahrain dijangka akan dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih cemerlang dengan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu depan.

Kunjungan selama seminggu itu bermula Isnin ini, disifatkan sebagai perangsang bagi hubungan Malaysia dengan ketiga-tiga negara Islam itu oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Hasratnya ialah untuk meningkatkan hubungan dua hala dan melihat bidang kerjasama ekonomi yang boleh diperkukuhkan dengan negara-negara berkenaan," katanya baru-baru ini.

Malahan, lawatan itu tepat pada masanya memandangkan umat Islam di seluruh dunia sedang berusaha merapatkan hubungan berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat pada pada 11 Sept.

Lawatan Dr Mahathir ke Maghribi dan Bahrain adalah sebagai membalas kunjungan rakan sejawatan beliau sementara lawatan ke Libya adalah atas jemputan pemimpinnya Muammar Gaddafi.

Dari segi ekonomi, Maghribi menawarkan landas pelancaran yang sempurna untuk memasuki pasaran Kesatuan Eropah kerana jaraknya yang berhampiran dengan Sepanyol, sementara Bahrain paling sesuai bagi barangan Malaysia untuk menembusi pasaran mewah Asia Barat.

Bagi Libya pula, selain kehadiran ketara Petronas melalui satu konsesi di sempadan Libya-Tunisia, usaha bersungguh syarikat-syarikat Malaysia untuk mengambil manfaat daripada penggantungan sekatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1999 masih belum dirasakan.

Selain bertemu dengan rakan-rakan sejawatannya, lawatan Dr Mahathir akan menyaksikan beliau memberi ucapan kepada para pengusaha industri, para intelek dan ahli politik negara-negara di Afrika utara itu, Maghribi dan Libya serta negara Teluk Parsi, Bahrain.

Di Libya, Dr Mahathir akan mengunjungi Gaddafi dan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Mubarak Abdallah Al-Shamekh. Beliau juga akan berucap pada majlis makan malam bersama masyarakat perniagaan Libya di Tripoli, menurut satu kenyataan Wisma Putra hari ini.

Di Bahrain, Perdana Menteri akan menyampaikan ucaptama kepada para pemimpin korporat dan perniagaan dengan tema "The Power of Knowledge in the New Era" (Kuasa Ilmu dalam Era Baru) pada persidangan sedunia ke-31 Persekutuan Antarabangan bagi Latihan dan Pembangunan (IFTDO).

Dr Mahathir juga akan melancarkan upacara pecah tanah pusat Pameran dan Perdagangan Malaysia di Manama dan merasmikan pejabat Petronas di Bahrain.

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara kerajaan Malaysia dan Bahrain mengenai bantuan teknikal dan infrastruktur serta perjanjian usahasama sektor swasta kedua-dua negara.

Duta Maghribi di Malaysia Dr Badre Eddine Allali berkata lawatan Dr Mahathir ke negara beliau mencerminkan semangat jitu Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Maghribi Abderrahmane Youssoufi untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Malaysia dan Maghribi sentiasa menjalin hubungan amat baik pada peringkat politik tetapi kita melihat banyak yang perlu dilakukan di peringkat ekonomi dan perdagangan," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah baru-baru ini.

Allali berkata sejumlah perjanjian yang berkaitan dengan perdagangan,

ekonomi, kerjasama teknikal, teknologi maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan udara telah dimeterai "dan lebih banyak perjanjian akan ditandatangani semasa kunjungan ini."

Dr Mahathir juga akan melancarkan upacara pecah tanah pusat Pameran dan Perdagangan Malaysia di Manama dan merasmikan pejabat Petronas di Bahrain.

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara kerajaan Malaysia dan Bahrain mengenai bantuan teknikal dan infrastruktur serta perjanjian usahasama sektor swasta kedua-dua negara.

Duta Maghribi di Malaysia Dr Badre Eddine Allali berkata lawatan Dr Mahathir ke negara beliau mencerminkan semangat jitu Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Maghribi Abderrahmane Youssoufi untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Malaysia dan Maghribi sentiasa menjalin hubungan amat baik pada peringkat politik tetapi kita melihat banyak yang perlu dilakukan di peringkat ekonomi dan perdagangan," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah baru-baru ini.

Allali berkata sejumlah perjanjian yang berkaitan dengan perdagangan, ekonomi, kerjasama teknikal, teknologi maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan udara telah dimeterai "dan lebih banyak perjanjian akan ditandatangani semasa kunjungan ini."

"Saya mahu mengatakan bahawa belajar di Maghribi tidak akan menelan belanja yang banyak kerana kos sara hidup tidaklah begitu tinggi dan mereka akan merasakan seperti berada di negara sendiri dalam sebuah negara Islam yang mesra," katanya.

Sambil menarik perhatian kepada jumlah serupa pelajar Maghribi yang menuntut di Malaysia, duta itu berharap kerjasama lebih erat dalam bidang ini boleh dicapai melalui pertukaran ahli akademik.

Satu bidang yang pastinya menyaksikan perkongsian pengetahuan dan pengalaman ialah pertanian.

Allali berkata: "Sekumpulan warga Maghribi dari National Agronomic Institute telah datang ke Malaysia dua minggu lalu untuk belajar daripada pengalaman Malaysia, dan wujud minat yang tinggi dari pihak Malaysia untuk datang ke Maghribi bagi mempelajari pengalaman Magribi pula."

Selain jumlah pelajar Malaysia yang meningkat, Maghribi juga melihat pertambahan jumlah ketibaan pelancong Malaysia, sebahagiannya disebabkan minat yang tinggi dalam pelancongan di antara negara Islam ekoran serangan 11 Sept itu.

Allali berkata maklumat yang didapatkan daripada beberapa ejen pelancongan Malaysia menunjukkan bahawa dalam dua bulan pertama tahun ini, pendapatan mereka daripada lawatan rakyat Malaysia ke Maghribi telah melebihi pendapatan keseluruhan mereka dari destinasi itu tahun lepas.

Bagaimanapun jumlah pelancong dari kedua-dua negara masih rendah dan ini boleh dieksploit lagi, katanya.

Beliau juga berharap hubungan sedia ada antara Petronas dan syarikat minyak Maghribi boleh dijadikan formal dalam bentuk usahasama semasa lawatan itu.

Selain menggalakkan hubungan perdagangan, lawatan Dr Mahathir dijangka menjadi galas utama dalam isu yang memberi kepentingan kepada negara Islam, terutama ketegangan yang semakin memuncak di Palestin.

Isu Palestin pasti akan menjadi antara topik yang dibincangkan di antara para pemimpin itu lebih-lebih lagi dengan baru selesainya sesi khas Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam mengenai keganasan di Kuala Lumpur yang mencalonkan Malaysia untuk mengetuai Jawatankuasa Menteri Luar Persidangan Islam (ICFM) mengenai Keganasan.

Menurut Wisma Putra Malaysia memberi keutamaan kepada lawatan ini kerana ia percaya kunjungan itu akan mengukuhkan dan meningkatkan lagi

hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan ketiga-tiga negara itu.

-- BERNAMA

MAD KHY ZS RON